

Abu Hanifah Bin Jamil dalam Jurnal Sejarah Universiti Malaya pernah menulis artikel bertajuk LOTERI UMNO MALAYA 1946 – 1969 menyatakan,



### CADANGAN HAJI REJAB KEDAH

Pada awalnya, loteri ini dicadangkan oleh Haji Rejab Kedah pada September 1946 yang mewakili Kesatuan Melayu Kedah. Beliau memohon Setiausaha Agong UMNO mendapat nasihat Mufti UMNO untuk membenarkan Kesatuan Melayu Kedah menjalankan loteri untuk kebajikan kerana kutipan derma kebajikan kurang berjaya. Setiausaha Agong Perikatan Melayu Perak Mohd Hashim Bin Mohd Dris turut mencadangkan perkara yang sama. Beliau menyatakan Jabatan Agama Islam dan Adat Perikatan negeri Perak tidak meluluskan permohonan loteri tersebut.



### DAPAT SOKONGAN PENUH MAJORITI AHLI UMNO

Penganjuran Loteri UMNO Malaya secara besar-besaran mendapat sokongan penuh majoriti ahli UMNO di Tanah Melayu. Berdasarkan keputusan Persidangan Mesyuarat Agung UMNO kali ke-7 yang diadakan di Seberang Prai, UMNO sebulat suara membenarkan dan bersetuju mengadakan Loteri UMNO Malaya. Pengerusi UMNO Tunku Abdul Rahman bersama jawatankuasa kerja UMNO menyokong penuh loteri ini.

### POLEMIK ANTARA PEMERINTAH & AHLI AGAMA

Pengenalan Loteri UMNO Malaya di Tanah Melayu mengundang polemik antara pemerintah, ahli agama, ahli politik dan orang awam. Dalam perjumpaan alim



ulama di Kuala Kangsar bagi membincangkan hukum loteri, para ulama tidak dapat mencapai kata sepakat. Namun majoriti berpendapat ianya haram.

### UMNO MERUJUK PANDANGAN ULAMA LUAR

Polemik ini menyebabkan UMNO turut merujuk pandangan ulama luar negara. Antaranya adalah pendapat Sheikh Rahman Isa Pengarah Pengajian Islam dan Bahasa Arab di Universiti al-Azhar. Beliau mengeluarkan fatwa bahawa jualan, pembelian dan penerimaan hadiah loteri diizinkan menurut Islam dan tidak haram kerana tujuan kebajikan. Maka loteri kebajikan adalah harus pada syarak.



### MUFTI TERENGGANU KELUAR FATWA HALAL

Mufti Terengganu, Tuan Yusof Alzawawi turut mengeluarkan fatwa loteri adalah halal. Keputusan ini mendapat perkenan Sultan Terengganu. Pesuruhjaya Hal Ehwal Agama Negeri Terengganu, Encik Bachik Bin Abdul Jalal menjadikan fatwa ini sebagai sandaran keharusan loteri di negeri itu. Terengganu tidak akan mengikuti tindakan kerajaan Kelantan yang mengharamkan penggunaan wang loteri. Keputusan Fatwa Terengganu turut disokong Jabatan Agama Johor yang membenarkan wang loteri untuk tujuan umat Islam seperti membina surau.

### MAJLIS ULAMA PERAK MENYATAKAN HARAM

Majlis Ulama Perak juga menyatakan pengharaman loteri kerana selaras dengan pandangan majoriti ulama di Tanah Melayu. Pengharaman ini juga bertepatan dengan Undang-undang Persekutuan Tanah Melayu bernombor 26, tahun 1953 yang menyebutkan bahawa loteri adalah sejenis perjudian.



### MUFTI PULAU PINANG MENEGASKAN HARAM

Mufti Pulau Pinang dan Seberang Perai Tuan Haji Abdullah Fahim juga menegaskan Loteri UMNO Malaya adalah haram. Keputusan ini dicapai dalam persidangan para alim ulama di Madrasah Al-Khairiah yang dihadiri 50 orang alim ulama.



### FATWA HARAM LOTERI TIDAK DIENDAHKAN UMNO

Ekoran fatwa yang mengharamkan loteri oleh sebahagian ulama pada tahun 1951, maka Setiausaha Loteri UMNO Malaya telah menghantar surat kepada Bendahari UMNO Malaya. Namun fatwa ini tidak diendahkan oleh UMNO. Menjelang tahun 1953, loteri dilancarkan sebagai antara sumber ekonomi UMNO.

### PENGAJARAN



Umat Islam jangan ada kelemahan ilmu



Kemiskinan akan membuat kita terdesak



Jangan biarkan diri kita dalam kemiskinan

اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنَ الْفَقْرِ وَالْقِلَّةِ وَالذَّلَّةِ

“Ya Allah aku berlindung denganmu dari fakir, dari sedikit amal dan kehinaan.”

[HS Ahmad]